

Rais: Hanya UMNO bela nasib orang2 Melayu

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA PILAH, Rabu — Menteri Besar Datuk Rais Yatim menggesa orang-orang Melayu di negeri ini menyertai perjuangan UMNO bagi menjamin mereka dapat terus mengecap nikmat rancangan pembangunan.

Orang-orang Melayu di negeri ini hendaklah sedar bilangan mereka hanya 45 peratus daripada 563,000 penduduk di negeri ini dan sekiranya mereka tidak bersatu di bawah UMNO tidak ada sebuah parti lain yang dapat memperjuangkan kepentingan mereka, katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat agung UMNO Cawangan Kuala Kepis 16 kilometer dari sini.

Beliau berkata lain-lain kaum di negeri ini

diwakili oleh berbagai parti politik yang memperjuangkan kepentingan mereka tetapi bagi orang-orang Melayu mereka tidak ada pilihan melainkan menyertai UMNO.

Kemudahan

Datuk Rais berkata orang-orang Melayu di negeri ini hendaklah menyedari melalui UMNO yang menjadi tulang belakang kerajaan mereka telah mendapat berbagai kemudahan dan pembangunan di kampung-kampung.

“Tujuan saya menyebut perkara ini bukanlah hendak mengungkit apa yang telah diperjuangkan oleh UMNO tetapi orang-orang Melayu hendaklah

faham hakikat tersebut agar terus menikmati faedah dari kerajaan,” kata beliau.

Datuk Rais menggesa ahli-ahli UMNO supaya memberi penerangan kepada orang-orang Melayu di kampung-kampung agar mereka benar-benar faham dasar perjuangan UMNO dan turut menjadi ahli bagi menguatkan lagi kedudukan UMNO di negeri ini.

Beliau mengarahkan setiap cawangan UMNO mengkaji sebab-sebab yang menjadi penghalang kepada orang-orang Melayu di tempat masing-masing untuk menyertai UMNO yang mungkin timbul akibat kesalahan pihak UMNO sendiri. — Bernama.